



31 JUL, 2021

## FAMA jamin bantu semua peringkat rantai perniagaan, pengguna

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

# FAMA jamin bantu semua peringkat rantai perniagaan, pengguna

Oleh **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI**  
hafizyusoff@mediamula.com.my

**PETALING JAYA:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memberi jaminan membantu semua peringkat rantai perniagaan dan pengguna terutama buah durian ketika penularan pandemik dan perintah Pelaksanaan Kawalan Pergerakan (PKP).

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FAMA, Abdul Rashid Bahri berkata, bantuan tersebut meliputi kemudahan fasiliti, pemasaran dan produk pemprosesan.

Katanya, FAMA mempunyai pusat pemprosesan buah-buahan termasuk durian mengikut Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP) untuk dijadikan sebagai produk sejuk beku bagi pasaran dalam serta luar negara.

"Kami membantu semua pihak sama ada pekebun pengumpul dan peruncit serta pengguna bagi memastikan harga durian terutama durian kampung tidak jatuh mendadak ekoran PKP.

"Biasanya pihak kami membuat penjualan secara segar selain diproses dan dijadikan pes atau sejuk beku. Ini sekali gus dapat mengelakkan lambakan dan dalam masa sama membantu mereka yang terlibat menjaga pendapatan lebih baik.



**FAMA sedia membantu semua peringkat rantai durian yang kini menghadapi masalah lambakan bagi memastikan harga raja buah itu tidak jatuh mendadak.**

"Selain itu, dengan cara sebegini, kita dapat pelbagaikan produk dan mengekalkan harga sama ada di peringkat pekebun, pengumpul dan pengguna," katanya ketika ditemui Utusan Malaysia di sini semalam.

Sehingga kini terdapat 16 unit kilang pemprosesan buah durian frozen whole fruit di Malaysia yang telah diiktiraf oleh negara China untuk tujuan eksport

Pada masa sama, terdapat

33 buah kilang yang mendapat kebenaran dari negara China untuk memproses durian pulp dan durian pes untuk di hantar ke China

Dalam pada itu, Abdul Rashid berkata, pihaknya menggunakan pelbagai medium dan saluran bagi memastikan pasaran produk diperluas dari semasa ke semasa.

"Kami ada pusat operasi dan pengumpulan buah-buahan. Bagi pekebun yang ingin jual

hasil, mereka boleh datang ke pusat berkenaan. Begitu juga kepada pengumpul yang boleh menggunakan kemudahan yang kami ada seperti khemah.

"Malah, di pusat pengumpulan pun ada lori yang datang mengambil buah-buahan berkenaan. Selain itu kami ada pusat perniagaan terbuka seperti di pasar tani," ujarnya.

Tambah Abdul Rashid, pihaknya juga menerokai pasaran dalam



**ABDUL RASHID BAHRI**

talian seiring dengan peningkatan teknologi pada masa kini.

"Terdapat 216 usahawan dalam platform di e-dagang yang kami sediakan. Berurusan dengan kami mudah tanpa melalui proses birokrasi. Kita mengamalkan pendekatan terbuka.

"FAMA juga bekerjasama dengan Shopee bagi melaksanakan program Durian E-Fiesta @ eFAMAPlace. Apa yang penting kami tidak mahu dikawal oleh satu pihak sahaja dan mengelakkan berlaku monopoli dalam perniagaan," katanya.

Harga yang ditawarkan FAMA juga sangat kompetitif dan disifatkan mampu milik untuk semua pengguna pelbagai peringkat.



31 JUL, 2021

## FAMA jamin bantu semua peringkat rantaian perniagaan, pengguna

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Hafiz.yusoff@mediamulia.com.my PETALING JAYA: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memberi jaminan membantu semua peringkat rantaian perniagaan dan pengguna terutama buah durian ketika penularan pandemik dan perintah Pelaksanaan Kawalan Pergerakan (PKP). Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FAMA, Abdul Rashid Bahri berkata, bantuan tersebut meliputi kemudahan fasiliti, pemasaran dan produk pemprosesan. Katanya, FAMA mempunyai pusat pemprosesan buah-buahan termasuk durian mengikut Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP) untuk dijadikan sebagai produk sejuk beku bagi pasaran dalam serta luar negara.